



## MAJLIS DAERAH SIK

### KENYATAAN TAWARAN Tawaran Bumiputera Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman

Majlis Daerah Sik mempelawa syarikat-syarikat dan orang perseorangan yang berminat untuk menyertai tawaran di bawah. Maklumat sebutharga serta syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- a. Syarikat tempatan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan orang perseorangan (warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas). Sila lampirkan bersama salinan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) semasa menghantar sebutharga tersebut.
- b. Pembida mestilah mempunyai pengalaman yang berkaitan dan kewangan yang mencukupi untuk menyertai tawaran ini. Sila lampirkan bersama salinan Penyata Bank (3) tiga bulan yang terkini semasa menghantar sebutharga tersebut.


<b>No. Sebutharga</b>	MDS/PERB/SH/02/2020
<b>Jabatan yang mengeluarkan sebutharga</b>	Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman
<b>Tajuk Sebutharga</b>	CADANGAN MENGADAKAN EKSPLO JUALAN NIAGA SEMPENA RAMADHAN / AIDILFITRI 2020 DI PEKAN SIK, MAJLIS DAERAH SIK, KEDAH DARUL AMAN
<b>Harga (RM)</b>	RM 50.00 (Senaskah)
<b>Tarikh Tutup</b>	08 Mac 2020
<b>Masa</b>	12:00 Tengahari

2. Borang-borang sebutharga boleh didapati di kaunter pembayaran Majlis mulai **24 Februari 2020 jam 10.00 pagi**. Setiap borang akan dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)**.

3. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah ditutup dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan terang **tarikh tutup**, dan **tajuk sebutharga** dan dialamatkan kepada :-

**Majlis Daerah Sik  
08200 Sik  
Kedah Darul Aman**

**MAJLIS DAERAH SIK TIDAK TERIKAT UNTUK MENERIMA SEBUTHARGA  
YANG PALING RENDAH ATAU SEBARANG SEBUTHARGA.**



**SETIAUSAHA  
b/p YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH SIK  
KEDAH DARUL AMAN**

**s.k : Ketua Jabatan Kesihatan dan Pelesenan, Majlis Daerah Sik**

**Ketua Bahagian Pengurusan Maklumat, Majlis Daerah Sik**